



PETIKAN AKHBAR

Rancangan pemulihan ekonomi Malaysia di landasan yang tepat dengan Program Imunisasi COVID-19 – Tengku Zafrul

PETIKAN AKHBAR | 24 FEBRUARI 2021



KUALA LUMPUR, 24 Feb – Rancangan pemulihan ekonomi Malaysia berada di landasan yang tepat dengan program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan yang bermula 24 Feb 2021, kata Menteri Kewangan Datuk Seri Tengku Zafrul Abdul Aziz.

Menurutnya, pemulihan ekonomi sudah tentunya akan menyusul bersama dengan pemulihan kesihatan awam.

Tengku Zafrul berkata, banyak sektor ekonomi yang menanti pembukaan sempadan bukan sahaja dalam negara malah ke luar negara, seperti sektor pelancongan dan peruncitan.

“Bagi mereka daripada sektor pelancongan, manfaatkanlah peruntukan Pembiayaan Sektor Pelancongan PENJANA sebanyak RM1 bilion bagi perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dan PKS mikro yang masih terkesan dengan COVID-19,” katanya semasa membentangkan laporan Unit Pelaksanaan dan Koordinasi Stimulus Ekonomi Antara Agensi Nasional (LAKSANA) ke-42, hari ini.

Beliau berkata Bank Dunia telah mengumumkan unjuran pertumbuhan ekonomi Malaysia antara 5.6 - 6.7 peratus

bagi 2021 susulan pelancaran program vaksinasi COVID-19 secara global dan ini sejajar dengan unjuran pertumbuhan ekonomi dunia pada kadar empat peratus.

“Minggu lepas menyaksikan pelbagai detik bersejarah bagi negara kita. Saat yang paling ditunggu-tunggu sudah pastinya ketibaan kumpulan pertama bekalan vaksin COVID-19 ke tanah air.

“Ketibaan ini menandakan bermulanya Fasa 1 Program Imunisasi Covid 19 Kebangsaan (PICK) di mana 500,000 petugas barisan hadapan akan divaksinasi menjelang April tahun ini,” kata Tengku Zafrul.

Kerajaan juga menyasarkan 80 peratus atau 27 juta penduduk Malaysia akan divaksinasi menjelang suku pertama 2022 bagi mencapai imuniti kelompok, katanya.

Bernama

 [Siaran Media](#)

 [Koleksi Ucapan](#)

 [Petikan Akhbar](#)

 [Foto](#)

 [Video](#)

 [Pengumuman](#)

 [Laporan LAKSANA](#)

 [Tender](#)

POPULAR TAGS

BERNAMA

TENGKU ZAFRUL

BAJET 2022

COVID-19

LAPORAN LAKSANA

TMK 1

KELUARGA MALAYSIA

PENJANA

PRIHATIN

TEAM MOF

PRICE OF PETROLEUM

HARGA MINYAK